

16 DEC 2001

Raya-Rangkuman (Bergambar)

SAMBUTAN AIDILFITRI LEBIH TERASA DENGAN HABUAN DARIPADA K'JAAN

KUALA LUMPUR, 16 Dis (Bernama) -- Umat Islam di seluruh negara menyambut kedatangan 1 Syawal dengan penuh kesyukuran dan suasana Aidilfitri tahun ini dimeriahkan lagi dengan habuan daripada kerajaan.

Ketika dunia Islam bergolak dengan pelbagai ancaman luar khususnya di Palestin dan Afghanistan, umat Islam di negara ini menyambut ketibaan Syawal dengan penuh kesyukuran atas keamanan dan kestabilan di negara ini.

Selepas menunaikan ibadah puasa sepanjang Ramadan, masyarakat Islam memulakan Hari Lebaran dengan menunaikan solat Aidilfitri di masjid-masjid di seluruh negara.

Selepas bersolat, umat Islam daripada pelbagai lapisan umur, mengambil peluang untuk bersalam-salaman dan bermaaf-maafan bagi memperkukuhkan silaturahim sesama Muslimin.

Di Masjid Negara di sini, Yang di-Pertuan Agong Tuanku Sirajuddin Syed Putra Jamalullai serta Raja Permaisuri Agong Tuanku Fauziah Tengku Abdul Rashid berkenan menunaikan sembahyang solat bersama masyarakat di ibu kota.

Baginda, berpakaian baju Melayu berwarna merah jambu, berangkat ke Masjid Negara pada pukul 8.30 pagi dan diiringi oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan timbalannya Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Turut sama menunaikan solat Aidilfitri ialah beberapa Menteri Kabinet termasuk Menteri Pertahanan Datuk Seri Najib Tun Razak dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Rais Yatim.

Selepas mendengar khutbah yang disampaikan oleh Mufti Wilayah Persekutuan Datuk Mohd Hashim Yahya, baginda bersalam-salaman dengan jemaah.

Sebelum itu, Dr Mahathir dan isteri Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali berkunjung ke Istana Negara bagi mengucapkan "Selamat Hari Raya" kepada baginda berdua.

Suasana Aidilfitri di seluruh negara tahun ini lebih meriah apabila sebelum ini kerajaan memberi imbuhan sebanyak RM100 seorang kepada golongan miskin di negara ini, bonus minima RM1,000 kepada lebih 900,000 kakitangan kerajaan dan RM200 sebagai bonus kepada pesara kerajaan.

Selain melawat dan menerima kunjungan sahabat handai dan menjamu pelbagai juadah, kaum Muslimin dengan berpakaian serba warna-warni turut menziarahi kubur-kubur sanak-saudara untuk membacakan surah Yasin, Fatimah dan doa sempena Aidilfitri ini.

Sebagai tradisi di negara berbilang kaum ini, masyarakat Islam mengadakan rumah terbuka masing-masing bagi menghidang juadah kepada rakyat yang bukan beragama Islam.

Walaupun suasana di ibu kota agak lengang ekoran kepulangan ribuan umat Islam ke kampung masing-masing sejak minggu lepas, mereka yang berada di ibu kota mengambil peluang melawat rumah terbuka yang diadakan oleh pemimpin-pemimpin negara.

Rakyat asing yang bekerja di negara ini juga turut mengambil kesempatan bercuti panjang dengan melawat pelbagai tempat riadah di sekitar Kuala Lumpur sambil menjamu selera di gerai-gerai dan restoran di pusat-pusat membeli-belah.

Selain ibu kota, tumpuan masyarakat bukan Islam dan pekerja asing ialah di Putrajaya di mana Dr Mahathir dan isteri mengadakan majlis rumah terbuka di kediaman rasminya di Seri Perdana.

Beribu-ribu rakyat Malaysia, sebahagian berbekalkan kamera, serta kanak-kanak yang memegang bunga dan kad "Selamat Hari Raya" berkunjung ke

Seri Perdana untuk mengucapkan Aidilfitri.

Dr Mahathir mula mengadakan rumah terbuka mulai 10 pagi hingga 1 petang dan kemudian bersambung dari 3 petang hingga 6 petang.

Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi juga turut mengadakan majlis rumah terbuka di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) dari pukul 1.30 petang hingga 5 petang.

Rakyat Indonesia di sini turut mengunjungi rumah terbuka Duta Besar Republik Indonesia di Wisma Duta, Jalan U Thant di sini.

Di SHAH ALAM, Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah menunaikan semayang solat Aidilfitri bersama lebih 5,000 umat Islam di Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah.

Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Dr Mohd Khir Toyo, Speaker Dewan Undangan Negeri Selangor, Datuk Seri Onn Ismail, Exco-exco Kerajaan Negeri, anggota-anggota Dewan Undangan Negeri dan Parlimen Selangor, kerabat-kerabat Diraja Selangor serta pegawai-pegawai kanan Kerajaan Negeri turut menunaikan semayang bersama baginda.

Baginda juga bersalam-salaman dengan para jemaah sambil mengucapkan selamat Hari Raya kepada mereka.

Kemudian baginda berangkat menziarahi Makam Diraja Selangor di Klang.

Sultan Sharafuddin mengadakan rumah terbukanya secara sederhana di Istana Bukit Kayangan dari pukul 12 tengah hari hingga 3 petang.

Mohd Khir pula mengadakan majlis yang sama di Projek Perumahan Rakyat Lembah Subang, Petaling Jaya dari pukul 12 tengah hari hingga 4 petang.

Beliau mengadakan rumah terbuka itu sejajar dengan konsep pentadbiran mesra rakyat Kerajaan Negeri dan inilah kali pertama rumah terbuka beliau diadakan di luar kediaman rasmi Menteri Besar di Bukit Megawati, Seksyen 7, Shah Alam.

Di ALOR SETAR, sambutan Aidilfitri disambut meriah oleh segenap lapisan masyarakat walaupun keadaan cuaca yang agak mendung setelah hujan renyai-renyai turun sejak petang semalam sehingga awal pagi tadi.

Sultan Kedah, Sultan Abdul Halim Muadzam Shah berkenan menunaikan sembahyang sunat Aidilfitri di Masjid Zahir di sini bersama-sama ribuan rakyat jelata.

Turut hadir ialah Menteri Besar Datuk Seri Syed Razak Syed Zain.

Sembahyang sunat itu diimamkan oleh Imam Besar Sheikh Roslan Abdul Halim yang kemudiannya turut menyampaikan khutbah hari raya.

Di KANGAR, Pemangku Raja Perlis, Tuanku Syed Faizuddin Jamalullail menyertai ribuan rakyat jelata menunaikan solat sunat Aidilfitri di Masjid Negeri, Arau dekat sini.

Turut mengiringi baginda ialah Raja Perempuan Besar, Tengku Budriah Tengku Ismail yang juga nenda baginda di samping Menteri Besar, Datuk Seri Shahidan Kassim.

Baginda kemudiannya berkenan menerima menghadap rakyat jelata pada majlis rumah terbuka di Istana Arau yang terletak kira-kira 200 meter dari Masjid Negeri.

Di MELAKA, Yang Dipertua Negeri, Tun Syed Ahmad Shahabuddin bersolat sunat Hari Raya bersama-sama lebih 10,000 muslimin di Masjid Al-Azim, Bukit Palah.

Turut sama ialah Ketua Menteri Datuk Seri Mohd Ali Rustam, Speaker Dewan Undangan Negeri Datuk Amid Nordin, anggota-anggota Exco dan pegawai kanan kerajaan.

Selepas solat, Syed Ahmad dan Mohd Ali bersalam-salaman dengan para jemaah. Syed Ahmad kemudiannya meraikan para tetamu di majlis rumah terbuka di Istana Melaka, Bukit Beruang.

Manakala Mohd Ali pula mengadakan rumah terbuka di kediaman rasminya di Seri Bendahara, Bukit Peringgit. Turut sama mengadakan rumah terbuka ialah Setiausaha Kerajaan Negeri Datuk Jahaya Mat di Seri Peringgit, Bukit

Peringgit.

Di KUALA TERENGGANU, Sultan Mizan Zainal Abidin bersama Permaisuri Nur Zahirah berangkat menunaikan solat sunat Aidilfitri di Masjid Al Muktafi Billah Shah, Kampung Ladang di sini.

Keberangkatan baginda disambut oleh Menteri Besar Datuk Seri Abdul Hadi Awang, serta anggota-anggota Exco Kerajaan Negeri dan pegawai-pegawai kanan kerajaan.

Sultan Mizan yang juga Timbalan Yang di-Pertuan Agong berkenan untuk mengadakan rumah terbuka di Istana Maziah di sini dari 10 hingga 11 pagi untuk orang Islam manakala 10.45 hingga 11.30 pagi untuk rakyat bukan Islam.

Abdul Hadi juga mengadakan rumah terbuka di kediamannya di Kampung Rusila, Marang dari pukul 10 pagi hingga 4 petang.

Bagaimanapun, suasana kemeriahan sambutan Hari Raya pada tahun ini agak terganggu sedikit apabila hujan yang turun di sekitar negeri ini menyukarkan pergerakan orang ramai dan menyebabkan banjir di beberapa tempat.

Sehingga ini seramai 61 orang penduduk di Kemaman telah dipindahkan apabila rumah mereka di naiki air semalam.

Di KOTA BAHARU, Sultan Kelantan berangkat menunaikan solat sunat Hari Raya di Masjid Muhammadi, di sini pada pukul 8.45 pagi.

Raja Perempuan Kelantan turut menunaikan solat di masjid itu bersama kira-kira 2,000 rakyat jelata.

Selepas solat pada kira-kira pukul 9.30 pagi, baginda berdua menemui rakyat jelata di Istana Balai Besar yang terletak kira-kira 300 meter dari masjid itu, sebelum berangkat ke Makam Diraja Kelantan di Lundang.

Sementara itu, Menteri Besar Kelantan Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat mengimamkan sembahyang sunat Aidilfitri di Masjid Pulau Melaka berhampiran kediamannya bersama-sama kira-kira 2,000 orang.

Di KUANTAN, Sultan Pahang Sultan Ahmad Shah berangkat menunaikan solat sunat Aidilfitri di Masjid Negeri Sultan Ahmad 1 di sini yang turut disertai Tengku Mahkota Pahang Tengku Abdullah dan Tengku Muda Pahang Tengku Abdul Rahman.

Menteri Besar Datuk Seri Adnan Yaakob, Menteri Penerangan Tan Sri Khalil Yaakob dan Anggota-anggota Exco Kerajaan Negeri juga hadir sama.

Sultan Pahang kemudiannya berkenan mengadakan majlis rumah terbuka di Istana Abu Bakar, Pekan sementara majlis yang sama turut diadakan oleh Adnan di Dewan Jubli Perak Sultan Ahmad Shah di sini.

Di KOTA KINABALU, Yang Dipertua Negeri Tun Sakaran Dandai menunaikan solat Aidilfitri bersama-sama lebih 6,000 jemaah di Masjid Negeri di Sembulan, dekat sini.

Timbalan Ketua Menteri Datuk Lajim Haji Ukin, pegawai kanan Kerajaan Negeri dan Persekutuan adalah antara jemaah di masjid itu.

Sakaran dan isteri Toh Puan Hajah Siti Rukaiyah Panglima Abdullah kemudiannya meraikan para tetamu dalam dua peringkat yang didahului orang kenamaan di majlis rumah terbuka mereka di Istana Negeri.

Antara orang kenamaan yang hadir ialah Ketua Menteri Datuk Chong Kah Kiat, menteri-menteri dan pembantu-pembantu menteri Kerajaan Negeri.

Di KUCHING, Yang Dipertua Negeri Sarawak Tun Abang Muhammad Salahuddin Barieng menunaikan solat Aidilfitri di Masjid Jamek di Petra Jaya di sini bersama kira-kira 5,000 jemaah termasuk Ketua Menteri Tan Sri Abdul Taib Mahmud.

Kemudian Abang Muhammad Salahuddin dan isteri Toh Puan Norkiah menerima kunjungan Abdul Taib dan anggota Kabinet negeri, anggota Dewan Undangan Negeri dan Parlimen serta orang kenamaan pada majlis rumah terbuka di Astana, Petra Jaya di sini.

Sementara itu Abdul Taib Mahmud menyambut tetamu pada rumah terbukanya

di Stadium Perpaduan Negeri, Petra Jaya.

DI NEGERI SEMBILAN, Yang Dipertuan Besar Tuanku Ja'afar dan Tuanku Ampuan Tuanku Najihah berkenan menunaikan solat Aidilfitri bersama rakyat di Masjid Diraja Tuanku Munawir, Seri Menanti pada pukul 9 pagi.

Menteri Besar Tan Sri Mohamed Isa Abdul Samad pula mengadakan rumah terbuka di kediaman rasminya di sini bermula 10 pagi.

Di JOHOR BAHRU, Sultan Johor berkenan menunaikan sembahyang Aidilfitri bersama kira-kira 4,000 umat Islam di Masjid Sultan Abu Bakar di sini, pagi tadi.

Turut mengiringi baginda ialah Tengku Mahkota Johor, Tunku Ibrahim dan Tengku Bendahara Johor Tunku Majid, Menteri Besar Datuk Abdul Ghani Othman dan beberapa anggota Exco Kerajaan Negeri yang beragama Islam.

Sementara itu, kira-kira 15,000 orang tetamu mengunjungi majlis rumah terbuka Menteri Besar dan isteri, Datin Prof Jamilah Ariffin yang diadakan di kediaman rasmi Menteri Besar di Saujana di sini, sejak pukul 9 pagi hingga 1 tengahari tadi.

Di PULAU PINANG, Yang Dipertua Negeri, Tun Abdul Rahman Abbas dan beberapa pegawai kanan kerajaan negeri menunaikan sembahyang yang diimamkan oleh Imam Masjid negeri, Ustaz Othman Muda bersama-sama 1,000 rakyat jelata di Masjid Negeri pada kira-kira pukul 9 pagi.

Selepas menunaikan solat beliau dan isteri Toh Puan Majimor Shariff mengunjungi majlis rumah terbuka Timbalan Ketua Menteri, Datuk Dr Hilmi Yahaya di Balik Pulau.

Lebih 2,000 orang termasuk Ketua Menteri Tan Sri Dr Koh Tsu Koon dan keluarga menghadiri rumah terbuka Timbalan Ketua Menteri itu.

Beberapa jalan utama di sekitar bandar Georgetown turut mengalami kesesakan, antaranya ialah Jalan Perak di mana umat Islam mengambil kesempatan sempena 1 Syawal untuk menziarahi pusara kaum keluarga mereka di Tanah Perkuburan Islam Jalan Perak selepas menunaikan solat sunat Aidilfitri.

Selain itu, pusat-pusat peranginan dan membeli belah di negeri ini turut sesak kerana orang ramai mengambil kesempatan cuti sempena Hari Raya untuk bersiar-siar sambil berehat dan juga untuk membuat persediaan menyambut Hari Christmas tidak lama lagi.

Di KUALA KANGSAR, Sultan Perak, Sultan Azlan Shah menunaikan sembahyang solat Aidilfitri di Masjid Ubudiah di sini.

Turut serta Raja Muda, Raja Nazrin Shah, kerabat-kerabat diraja, Menteri Besar Datuk Seri Tajol Rosli Ghazali, Setiausaha Kerajaan Negeri Datuk Dr Isahak Yeop, Ketua Polis Perak Datuk Amiruddin Embi, ahli-ahli mesyuarat kerajaan negeri dan pegawai-pegawai tinggi kerajaan.

Tajol Rosli kemudiannya mengadakan rumah terbuka Hari Raya di kediaman rasminya di Ipoh.

-- BERNAMA